

16/05/1997

Persyarikatan bantu Malaysia

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros

SERI ISKANDAR, Khamis - Malaysia beruntung kerana Persyarikatan Malaysia yang membabitkan kerjasama kerajaan, syarikat dan pekerja membantu negara ini menjadi lebih maju berbanding beberapa negara lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tanpa kerjasama yang kukuh dan persefahaman semua pihak itu sukar bagi Malaysia menikmati keadaan yang ada sekarang.

Dalam pada itu, katanya sikap sesetengah kerajaan sendiri dianggap halangan terbesar dalam usaha memajukan sesebuah negara di samping pekerja yang tidak terurus serta tenaga yang disalahgunakan.

"Semuanya bergantung kepada sikap kerajaan. Saya percaya kerajaan adalah halangan terbesar dalam memajukan negara kerana akibat cara demokratik mereka, bergaduh sesama sendiri, sikap mereka yang sibuk dengan politik dan kakitangan kerajaan yang hanya minat menunjukkan mereka berkuasa, menyebabkan beberapa negara tidak mampu membangun.

"Mereka sepatutnya menggunakan kuasa yang ada dengan betul untuk kebaikan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang Safire Pharmaceuticals Sdn Bhd (Safire) di sini, petang ini.

Sementara itu dalam ucapan perasmian kilang Safire, Dr Mahathir berkata kualiti industri perubatan tradisional tempatan perlu ditingkatkan menerusi kaedah ujian moden dan sistematik dalam menentukan keberkesanannya mengubati penyakit.

Beliau berkata, pengeluaran ubat tradisional serta farmaseutikal memerlukan cara pengeluaran yang berkualiti tinggi sehingga benda asing tidak bercampur dalam ubat-ubatan bagi mengelak keberkesanannya terjejas.

Menurutnya, langkah itu juga perlu disesuaikan dengan kemajuan negara yang mana ujian seumpama itu penting bagi memastikan ubat-ubatan tradisional tempatan dikeluarkan mengikut standard tertentu bagi mengelak pesakit tertipu.

"Menjadi hasrat kerajaan melihat ubat tempatan mendapat tempat dalam negara kerana pengalaman masyarakat sebelum ini membuktikan ia boleh mengubati penyakit.

"Dulu sebelum kita dapat ubat dari Barat, memang kita gunakan ubat tempatan kita sendiri, tetapi sedikit mendukacitakan ialah kerap kita dapati ubat tempatan ini tidak menjalani ujian yang diperlukan.

"Kita ingin melihat ubat tempatan ini diuji betul-betul, apakah benar ia berkesan atau tidak dan bukan hanya kepada dakwaan mereka yang membuat atau menjualnya.

"Pengusaha ubat tradisional sepatutnya membuat analisis, iaitu kandungan tumbuhan yang digunakan sehingga menyebabkan ia boleh mengubati penyakit, ukuran untuk dimakan, dan menyatakan kesan yang dialami apabila mengambilnya," katanya.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah; Pengarah Urusan Safire, Dr Safri Nawawi, ahli Exco dan pegawai kanan kerajaan negeri.

(END)